

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

18 WARTAWAN CEMERLANG MEDIA PEMBINAAN SABAH RAIH ANUGERAH

RTM Sabah Ungguli Kategori Media Penyiaran Dalam Anugerah Media Pembinaan 2018

Sabah, 14 Oktober 2018: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia hari ini meraikan kecemerlangan 18 wartawan dan juga jurugambar dalam Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018 (AMP CIDB 2018) Sabah sebagai tanda pengiktirafan terhadap karya-karya kewartawanan pembinaan terbaik. Tahun ini, RTM Sabah mengungguli AMP CIDB Sabah dengan memenangi ketiga-tiga tempat pemenang dalam kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian.

AMP CIDB 2018, yang dianjurkan oleh CIDB untuk kali keempat sejak diperkenalkan pada tahun 2015 ini, disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian bersempena dengan Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya.

“Memandangkan kita berada di titik tengah pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP), peranan media dalam meningkatkan kesedaran mengenai pertumbuhan dan perubahan dalam industri pembinaan amatlah penting. CITP merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia Ke-11 dan bermatlamat untuk memperkasakan industri pembinaan negara ke arah lebih maju, selamat, mampan dan berdaya saing menjelang tahun 2020,” kata Dato’ Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

“Oleh sebab itu, media memainkan peranan yang amat penting dalam melaporkan dan memaklumkan kepada orang ramai tentang inisiatif-inisiatif transformasi CITP yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Kerja Raya dan CIDB, bagi penambahbaikan dan pertumbuhan industri pembinaan negara,” tambah beliau.

CITP merupakan agenda nasional bagi memperkasakan industri pembinaan menjadi moden, berproduktiviti tinggi dan mampan melalui empat teras strategik, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan.

AMP CIDB 2018 dibahagikan kepada tiga kawasan liputan iaitu; Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Bagi setiap kawasan liputan, terdapat tiga kategori yang dipertandingkan iaitu: Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana), Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dan Kategori Fotografi. Pemenang-pemenang AMP CIDB 2018 Sarawak dan Semenanjung Malaysia turut akan diraikan pada akhir Oktober dan November tahun ini.

Senarai pemenang untuk AMP CIDB 2018 Sabah adalah seperti yang berikut:

A. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama	Sardahthisa A/L G.M. James & Mary Chin	Daily Express	The case for greater IBS use in Sabah
Kedua	Poliana Ronnie Sidom	Berita Harian	Dilema pembinaan jambatan kedua Sukau
Ketiga	Mohd Izham Unnip Abdullah, Erika George, & Norsyazwani Nasri	Berita Harian	Lebuhraya Pan Borneo akhiri penantian 50 tahun

B. Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama	Jeannyora Mahin, Awg Mohd Zulfahmi Bin Zulkipli, Arnold Antang, Muzrina Jubaira Binti Sarfuddin, & Nina Maziela Binti Mohamad	RTM Sabah	Terowong Sepanggar
Kedua	Maria Ak Isek, Awang Damit Nasir, & Ezra Jukim	RTM Sabah	Projek Mini Hidro
Ketiga	Serina Olivia Chong, Faizal Pakanna Ahmad, Juliana Bangot, & Ezra Jukim	RTM Sabah	Sekolah IBS

C. Kategori Fotografi:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Saguhati	Tseu Kui Jin @ Tseu Kui Yin	See Hua Daily News	Collapse

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

Rakis Santa **rakis@cidb.gov.my** 012-620 0360 / 03-4047 7018

Mansor Ahmad **mansor.ahmad@cidb.gov.my** 012-386 4997 / 03-4047 7018

Disediakan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

NagaDDB Tribal

Putri Adlina **putri.adlina@nagaddbtribal.com.my** 013 – 357 9055

Kristine Yap **kristine.yap@nagaddbtribal.com.my** 017 – 333 3637

#####